

06/08/2003

Kewujudan EAEG harus diperakui, dihormati

GAGASAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya negara di rantau sebelah sini membentuk Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) lebih 10 tahun lalu, sebenarnya sudah lama wujud tetapi dalam bentuk lain iaitu Asean+3. Jadi tidak hairanlah jika beliau kelmarin menggesa supaya Asean dan tiga rakan dialognya iaitu China, Jepun dan Korea Selatan berhenti daripada berselindung di sebaliknya forum itu dan menjadikan EAEG satu realiti. Satu perkara yang harus kita akui ialah keadaan dan suasana politik serta ekonomi sekitar awal 90-an adalah berbeza berbanding hari ini.

Ketika itu, bantahan paling lantang tidak syak lagi datangnya daripada Amerika Syarikat yang mempengaruhi Jepun dan Singapura supaya menentang penubuhan EAEG cadangan Malaysia itu. Malah, sehingga beberapa tahun kebelakangan ini, Amerika masih bertegas dengan tentangannya semata-mata kerana menganggap ia akan menggugat kekuasaan dan pengaruhnya terhadap perkembangan politik dan ekonomi bukan saja rantau ini, malah dunia amnya. Tetapi peristiwa 11 September 2001 dan perang di Afghanistan serta Iraq mengubah kedudukan dan persepsi Amerika terhadap keselamatan sedang ekonominya mula goyang. Ancaman terhadap Amerika sendiri dan usaha meningkatkan keselamatan domestik menjadi penghalang kepada Amerika untuk bertindak sejajar kehendak rantau lain.

Sedang Amerika sibuk dengan kekalutannya, ia semakin hilang hala tuju. Sebaliknya di rantau Asia Timur, China muncul sebagai kuasa pertumbuhan wilayah dan sejagat manakala Jepun terbukti sebagai pemimpin teknologi dan memiliki kepakaran yang boleh dikongsi bersama dengan negara Asean. Secara keseluruhannya seperti kata Dr Mahathir, Jepun mampu membantu Asean bangkit menjadi kuasa ekonomi yang lebih kukuh. Tetapi mengapa negara Asia Timur perlu meningkatkan kerjasama terutama pada masa ini? Krisis ekonomi pada 1997 dan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) adalah contoh nyata betapa perlunya kerjasama bagi menangani masalah bersama.

Dalam keadaan yang amat menekan itu, kita terpaksa mencari jalan kita sendiri dan tidak boleh mengharap belas ihsan rantau lain terutama Amerika. Bantuan dan campur tangan Amerika dalam bentuk pinjaman Dana Mata Wang Antarabangsa (IMF) bagi membantu mengatasi krisis ekonomi di Indonesia terbukti lebih banyak menghimpit dan menyusahkan daripada melegakan. Jelas bahawa Asia Timur perlu menyelesaikan masalahnya sendiri dan menyusun strategi memajukan ekonomi mengikut keperluan dan aspirasi kita. Dasar unilateral Amerika dalam menghadapi ancaman yang semakin membelenggunya, mengharuskan kewujudan EAEG diperakui dan dihormati.